

**PENGURUSAN PEMBELIAN DAN PENGHANTARAN BAHAN BINAAN  
OLEH PIHAK KONTRAKTOR**

**AHMAD TAZRI BIN AZIZ**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Bangunan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

**NOVEMBER, 2005**

## ABSTRAK

Pengurusan pembelian dan penghantaran berperanan dalam memastikan projek pembinaan dapat berjalan dengan lancar mengikut tempoh yang cepat dan munasabah. Keupayaan kontraktor mendapatkan bekalan bahan daripada pembekal dengan mudah amat ditekankan. Kesukaran dalam mendapatkan bahan daripada pembekal atau gagal membawa bahan binaan ke tapak mengikut jadual akan menjejaskan pelaksanaan kemajuan kerja. Kekurangan dan peningkatan terhadap harga bahan tertentu sejak kebelakangan ini menyebabkan ramai kontraktor mengalami kesukaran di dalam mendapatkan bekalan bahan. Ditambah pula pembekal meletakkan berbagai syarat perolehan yang ketat turut mempengaruhi peningkatan kos pengurusan pembelian, pengendalian dan penghantaran bahan menyebabkan keperluan terhadap pengurusan bahan menjadi bertambah rumit. Oleh itu, kajian ini adalah untuk membandingkan kaedah pengurusan pembelian dan penghantaran bahan oleh kontraktor serta mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi. Seramai dua puluh (20) responden daripada kontraktor kelas G4 hingga G7 di negeri Kedah dipilih sebagai sampel kajian. Maklumbalas yang diperolehi melalui soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian excel. Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan yang nyata antara kelas mengenai corak perancangan pembelian seperti keperluan mesyuarat, kaedah penentuan bahan serta personel yang bertanggungjawab ke atasnya. Bagi aspek pengurusan pembelian, kesemua mengamalkan pembelian kredit kecuali faktor pembelian kredit dan juga kaedah pemesanan bahan yang berbeza. Bagi aspek penghantaran, penerimaan dan penyimpanan serta penggunaan dokumen menunjukkan terdapat perbezaan yang jelas antara kontraktor kelas tinggi dan rendah. Dari segi masalah-masalah yang dihadapi pula, terdapat perbezaan bagi setiap kelas kecuali pada peringkat pembayaran yang mana ianya sama. Kelewatan menerima bahan daripada pembekal menyebabkan perjalanan projek terjejas serta hubungan dengan pembekal turut terganggu disebabkan kesukaran dan kelewatan pembayaran hutang oleh pihak kontraktor.

## ABSTRACT

The function of purchase and delivery management in a project construction is to ensure its successful completion within a stipulated time frame. The contractor's ability to get the required materials easily from the suppliers is vital. In contrast, difficulties to obtain the materials from suppliers or failure to get the materials to the construction site accordingly would delay the work in progress. Of late, many contractors are having such a hard time in obtaining certain materials due to the lack of the materials and the increase cost of the materials. On top of that, various strict regulations imposed by suppliers also influenced the high cost of purchasing, operating and delivering the materials which complicated the task of material management. This study therefore is undertaken to compare the methods of purchasing and delivering management, and also to identify the problems encountered. 20 contractors from G4 and G7 class in Kedah were selected to be the respondents for this study. The results from the questionnaire were analyzed by using the Microsoft Excel programme. The findings show a significant difference between the class of contractors in respect to the purchasing plan style such as meeting requirements, methods of determining the materials to be used and the personnel who was responsible for the task. In purchase management, all transactions made by the contractors were through credits but the credit purchasing factor and the method of ordering materials were different. A significant difference is also noticed between the high class and low class contractors in terms of delivery, acceptance, safekeeping and usage of document. The problems faced by the contractors differ depending on their class but the payment stage was still the same. The delay in receiving materials from the suppliers would slow down the project and at the same time caused the contractor to hold up their payment to the suppliers.